

19 JUL 1998

Ramli - Projek

RAMLI DAN J/K MTEN BINCANG CARA PESATKAN EKONOMI NEGERI

IPOH, 19 Julai (Bernama) -- Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata, beliau akan mengadakan perbincangan dengan Jawatankuasa Majlis Tindakan Ekonomi Negeri (MTEN) esok bagi mencari pendekatan baru mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negeri Perak.

Menurutnya, kerajaan negeri telah banyak mengurangkan kerenah birokrasi dalam pentadbiran bagi mempercepatkan kelulusan permohonan projek pembangunan sebelum ini tetapi merasakan masih ada jalan untuk memperbaiki keadaan itu.

"Mesyuarat esok antara lain akan memutuskan tindakan baru kerajaan bagi memperbaiki lagi keadaan ke arah mewujudkan suasana pertumbuhan ekonomi yang lebih cepat bagi membantu memulihkan ekonomi negara", katanya.

Ramli yang ditemui selepas merasmikan konvensyen Pemuda Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) Perak di sini berkata demikian ketika diminta mengulas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya jabatan dan agensi kerajaan mempercepatkan kelulusan permohonan projek-projek pembangunan.

Beliau berkata, pelbagai isu tanah yang berkait rapat dengan pembangunan juga akan dibincangkan pada mesyuarat itu.

Mengenai masalah penempatan semula peniaga peralatan kenderaan terpakai di Jalan Bendahara di sini, Ramli berkata, beliau akan mengadakan perbincangan dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PSDC), Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), persatuan peniaga serta MIC bagi menyelesaikannya.

Beliau berkata, kerajaan negeri mahu kesemua peniaga di situ berpindah ke kawasan perindustrian Pengkalan yang dimajukan oleh PSDC kerana 91 daripada mereka bersetuju berpindah.

Seramai 48 peniaga lagi yang menjadi mangsa kebakaran awal bulan ini mahu meneruskan perniagaan mereka di tapak sedia ada untuk jangkamasa sementara, katanya.

Ramli berkata, kerajaan negeri mahu kesemua peniaga itu berpindah kerana kawasan itu tidak selamat dan mudah terbakar.

Ketika berucap pada majlis itu Ramli berkata, parti komponen Barisan Nasional (BN) tidak harus memancing anggota daripada parti komponen BN yang lain dalam menambah keanggotaan parti masing-masing.

Katanya, anggota baru parti-parti komponen BN hendaklah terdiri daripada mereka yang belum menganggotai mana-mana parti dalam BN, orang atas pagar serta anggota parti pembangkang, tambah beliau.

--BERNAMA

LAT oba